

# Program E-Mobiliti kolaboratif UMS-Universiti Wako Jepun

UB 07.12.2021 P.06

**KOTA KINABALU:** Program E-Mobiliti antara ahli akademik dan pelajar UMS dengan pelajar Universiti Wako dengan menghimpunkan ahli akademik dan pelajar bertukar pengalaman tentang keunikan budaya, makanan, dan cara pembelajaran semasa pandemik di negara masing-masing.

Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FPEP, Dr Beatrice Lim berkata, program webinar Autumn in My Heart: E-Mobility to Tokyo, Japan yang dianjurkan bersama Program Ekonomi Sumber Manusia FPEP dan Universiti Wako itu mendapat sambutan hangat dengan penyertaan lebih 500 peserta dalam dan luar negara.

"Program ini dilihat ber-

jaya membentuk hubungan baharu antara pelajar UMS dengan pelajar Universiti Wako dengan menghimpunkan ahli akademik dan pelajar bertukar pengalaman tentang keunikan budaya, makanan, dan cara pembelajaran semasa pandemik di negara masing-masing.

"Kolaboratif sebegini sekali gus memberi nilai impak tinggi dalam meningkatkan reputasi dan keterlihatan UMS di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Beatrice turut menjelaskan, pelbagai aktiviti dijalankan dalam program tersebut, antaranya "live bonding session" dan sesi pembelajaran bahasa yang memberi peluang kepada peserta dari kedua-dua uni-

versiti untuk saling mempelajari dan berinteraksi secara langsung.


"Peserta turut menyaksikan demonstrasi masakan makanan dari Malaysia dan Jepun yang dipersembahkan oleh pelajar dari kedua-dua universiti, selain kuiz berkenaan budaya kedua-dua negara turut diadakan bagi memeriahkan lagi program tersebut.

"Peserta juga berpeluang mendengar perkongsian pengalaman oleh ahli akademik dari Universiti Wako yang pernah dilantik sebagai Profesor Pelawat di FPEP, Profesor Iwao Kato melalui ucap tama bertajuk KK Friendship: Peer to Peer and University to University," kata Dr. Beatrice.

Program tersebut diakhiri dengan sesi refleksi bagi melihat keberkesanan program mobiliti terhadap pembangunan sosial, keperibadian dan pembelajaran antara budaya terhadap pelajar.

Mengulas lanjut, Dr. Beatrice berkata Program E-Mobiliti yang dijayakan pada dasarnya memberi peluang kepada pelajar mempelajari budaya, nilai dan etika serta amalan positif dari negara luar dengan mengadaptasi norma baharu pada ketika dunia masih berada dalam situasi pandemik.

"Pengalaman yang diperolehi ini akan meningkatkan keyakinan berkomunikasi dan memantapkan tahap pemikiran para pelajar," katanya.



**BERJAYA:** Lebih 500 peserta dari UMS dan Wako University, Jepun menjayakan program webinar Autumn in My Heart: E-Mobility to Tokyo, Japan secara dalam talian.